



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**ELAUN KHAS BAGI
ASET BERNILAI KECIL**

KETETAPAN UMUM NO. 10/2014

TARIKH PENERBITAN: 31 Disember 2014



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**ELAUN KHAS
BAGI ASET BERNILAI KECIL**

**Ketetapan Umum No. 10/2014
Tarikh Penerbitan: 31 Disember 2014**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi Kedua

Edisi pertama pada 27 Mac 2008

© 2014 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara. Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Aset Bernilai Kecil Dan Elaun Khas	2
5. Elaun Khas Bagi Syarikat Kecil Dan Sederhana	4
6. Had Tuntutan Elaun Khas Bagi Sesetengah Syarikat Kecil Dan Sederhana	5
7. Orang Yang Tidak Layak Menuntut Elaun Khas	9
8. Aset Bernilai Kecil Yang Diperoleh Secara Sewa Beli	9
9. Pelupusan Aset Bernilai Kecil	9
10. Penyimpanan Rekod	10
11. Kemaskini Dan Pindaan	10

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 [ACP] memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung dengan peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk memberi penjelasan berhubung elaun khas yang diberi ke atas aset bernilai kecil.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 [ACP] yang berkaitan dengan KU ini adalah subseksyen 2(1) dan (9), perenggan 10, 15, 19A, 35, 37, 46 dan 61 Jadual 3.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Kumpulan orang” bermaksud suatu kumpulan orang yang tidak diperbadankan (bukan suatu syarikat) termasuklah suatu Keluarga Sekutu Hindu tetapi tidak termasuk perkongsian.
- 3.2 “Orang” termasuklah suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.3 “Pengiraan cukai” bermaksud helaian kerja, kenyataan, jadual, perhitungan dan lain-lain dokumen sokongan yang membolehkan penyata cukai pendapatan dibuat, yang perlu diselenggarakan oleh orang yang membuat penyata itu.
- 3.4 “Perbelanjaan loji yang layak” bermaksud perbelanjaan modal yang dilakukan untuk membeli aset bernilai kecil yang digunakan bagi tujuan perniagaan.
- 3.5 “Syarikat” bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuklah mana-mana kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.
- 3.6 “Syarikat berkaitan” bermaksud sebuah syarikat yang mempunyai modal berbayar bagi saham biasa melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

4. Aset Bernilai Kecil Dan Elaun Khas

- 4.1 Subperenggan 19A(1) Jadual 3 ACP memperuntukkan, aset bernilai kecil bermaksud loji atau jentera yang digunakan untuk maksud perniagaan seseorang yang mana perbelanjaan loji yang layak bagi aset itu tidak melebihi RM1,300 tetapi ia tidak termasuk aset yang mempunyai jangka hayat tidak melebihi 2 tahun. Tuntutan untuk elaun khas bagi aset bernilai kecil adalah dihadkan kepada amaun maksima RM13,000 bagi setiap tahun taksiran. Jika seseorang telah melakukan perbelanjaan loji yang layak ke atas aset bernilai kecil melebihi RM13,000 dalam sesuatu tahun taksiran, amaun selebihnya berkaitan dengan aset yang tidak tertakluk kepada kadar elaun khas layak diberi kadar elaun modal biasa yang diperuntukkan di bawah perenggan 10 dan 15, Jadual 3 ACP.
- 4.2 Sebelum tahun taksiran 2015, nilai setiap aset bernilai kecil adalah tidak melebihi RM1,000. Tuntutan untuk elaun khas bagi aset bernilai kecil adalah dihadkan kepada amaun maksima RM10,000 bagi setiap tahun taksiran.
- 4.3 Perenggan 19A Jadual 3 ACP memperuntukkan kadar elaun khas yang diberikan kepada aset bernilai kecil menggantikan kadar elaun modal biasa yang diperuntukkan di bawah perenggan 10 dan 15, Jadual 3 ACP. Elaun khas bagi aset bernilai kecil ini adalah bersamaan dengan amaun perbelanjaan loji yang layak yang dilakukan ke atas aset bernilai kecil.
- 4.4 Seseorang diberi pilihan sama ada untuk menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP atau menuntut elaun modal biasa di bawah perenggan 10 dan 15, Jadual 3 ACP. Walau bagaimanapun apabila pilihan telah dibuat untuk menuntut elaun modal di bawah perenggan 10 dan 15, Jadual 3 ACP, orang itu hendaklah mengguna pakai secara konsisten peruntukan ACP tersebut sehingga kesemua perbelanjaan loji yang layak telah diberi potongan.
- 4.5 Peruntukan am berkenaan elaun modal yang diperuntukkan dalam Jadual 3 ACP hendaklah dipatuhi bagi membolehkan seseorang layak menuntut elaun khas di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP.
- 4.6 Seseorang adalah disifatkan telah membuat pilihan untuk elaun khas bagi aset bernilai kecil jika ia mengira elaun bagi aset bernilai kecil menggunakan kadar elaun khas yang diperuntukkan di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP dalam pengiraan cukainya.
- 4.7 Jika seseorang telah menuntut potongan di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP bagi aset bernilai kecil, orang itu tidak lagi layak untuk menuntut elaun modal di bawah perenggan 10 dan 15, Jadual 3 ACP berhubung dengan aset tersebut.

Contoh 1

Juara Dinamik Sdn Bhd (JDSB) memperoleh 12 buah aset bernilai kecil dan menggunakannya dalam perniagaan peralatan sukan syarikat dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2015. JDSB ingin menuntut elaun khas bagi aset berikut untuk tahun taksiran 2015.

Aset	Kos (RM)	Jumlah Perbelanjaan Loji Yang Layak	Tuntutan Elaun Khas (100%)
(i) Mesin daftar tunai	1,230	1,230	1,230
(ii) Set Televisyen	1,200	1,200	1,200
(iii) Pemain DVD	1,100	1,100	1,100
(iv) Mesin Faksimile	1,000	1,000	1,000
(v) Sistem Telefon	1,300	1,300	1,300
(vi) Set Sofa	1,250	1,250	1,250
(vii) Telefon Bimbit	1,290	1,290	1,290
(viii) Meja	850	850	850
(ix) Almari	990	keluarkan	keluarkan
(x) Almari Perhiasan	1,260	1,260	1,260
(xi) Kabinet	1,150	1,150	1,150
(xii) Penyaman Udara	1,280	1,280	1,280
JUMLAH ASET	13,900	12,910	12,910

Jumlah perbelanjaan loji yang layak yang dilakukan bagi aset bernilai kecil untuk tahun taksiran 2015 adalah RM13,900. Walau bagaimanapun, proviso kepada subperenggan 19A(1) Jadual 3 ACP menghadkan jumlah amaun perbelanjaan loji yang layak bagi aset bernilai kecil yang layak untuk elaun khas dalam suatu tahun taksiran iaitu tidak melebihi RM13,000. Oleh itu, satu atau beberapa aset perlu dikeluarkan bagi menghadkan jumlah tuntutan supaya tidak melebihi RM13,000.

Untuk tahun taksiran 2015, JDSB hendaklah –

- (a) mengenal pasti dan mengeluarkan aset tertentu daripada senarai aset bernilai kecil bagi memastikan jumlah perbelanjaan loji yang layak tidak melebihi RM13,000. Dalam contoh di atas, JDSB telah memilih untuk mengeluarkan kos yang dilakukan ke atas almari yang mana amaunnya adalah RM990. Dengan berbuat demikian jumlah perbelanjaan loji yang layak yang dilakukan ke atas aset bernilai kecil dikurangkan kepada RM12,910.
- (b) menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil sejumlah RM12,910.
- (c) menuntut elaun modal biasa di bawah perenggan 10 dan 15, Jadual 3 ACP ke atas aset bernilai kecil yang telah dikeluarkan iaitu almari.

5. Elaun Khas Bagi Syarikat Kecil Dan Sederhana

- 5.1 Subperenggan 19A(3) Jadual 3 ACP memperuntukkan layanan khas ke atas syarikat kecil dan sederhana iaitu tidak mengehendkan jumlah amaun tuntutan elaun khas bagi aset bernilai kecil oleh syarikat kecil dan sederhana bagi suatu tahun taksiran.
- 5.2 Bagi maksud KU ini, syarikat kecil dan sederhana adalah syarikat yang bermastautin di Malaysia yang memiliki modal berbayar bagi saham biasa tidak melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

Contoh 2

Sinar Pagi Sdn Bhd (SPSB) merupakan syarikat kecil dan sederhana dan memilih untuk menuntut elaun khas di bawah subperenggan 19A(3) Jadual 3 ACP bagi aset bernilai kecil dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2015. Senarai aset tersebut adalah seperti berikut:

Aset	Kos (RM)	Jumlah Perbelanjaan Loji Yang Layak	Tuntutan Elaun Khas (100%)
(i) Kabinet	1,200	1,200	1,200
(ii) Meja	1,000	1,000	1,000
(iii) Kerusi	999	999	999
(iv) Almari	970	970	970
(v) Mesin Faksimile	1,290	1,290	1,290
(vi) Sistem Telefon	1,250	1,250	1,250
(vii) Set Sofa	1,300	1,300	1,300
(viii) Telefon Bimbit	1,220	1,220	1,220
(ix) Pemain DVD	1,230	1,230	1,230
(x) Almari Perhiasan	1,160	1,160	1,160
(xi) Kabinet	1,190	1,190	1,190
(xii) Penyaman Udara	1,000	1,000	1,000
JUMLAH ASET	13,809	13,809	13,809


SPSB layak menuntut elaun khas yang bersamaan dengan keseluruhan perbelanjaan loji yang layak yang dilakukan ke atas aset bernilai kecil berjumlah RM13,809 kerana subperenggan 19A(3) Jadual 3 ACP membenarkan sebuah syarikat kecil dan sederhana menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil tanpa had.

6. Had Tuntutan Elaun Khas Bagi Sesetengah Syarikat Kecil Dan Sederhana

6.1 Menurut subperenggan 19A(4) Jadual 3 ACP, syarikat kecil dan sederhana yang layak menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil tanpa had ini tidak termasuk syarikat yang:


- (a) lebih daripada 50% modal berbayar bagi saham biasa syarikat tersebut dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat berkaitan;

Contoh 3



- (i) A Sdn Bhd layak menuntut elaun khas sehingga RM13,000 sahaja bagi aset bernilai kecil kerana 70% modal berbayar saham biasanya dimiliki secara langsung oleh syarikat berkaitan.
 - (ii) B Sdn Bhd layak menuntut elaun khas sehingga RM13,000 sahaja bagi aset bernilai kecil kerana 56% modal berbayar bagi saham biasanya dimiliki secara tidak langsung oleh syarikat berkaitan.
- (b) lebih daripada 50% modal berbayar bagi saham biasa syarikat berkaitan dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat tersebut;


Contoh 4



- (i) C Sdn Bhd layak menuntut elaun khas sehingga RM13,000 sahaja bagi aset bernilai kecil kerana 56% modal berbayar bagi saham biasa syarikat berkaitan dimiliki secara tidak langsung oleh C Sdn Bhd.

- (ii) D Sdn Bhd layak menuntut elaun khas sehingga RM13,000 sahaja bagi aset bernilai kecil kerana 80% modal berbayar bagi saham biasa syarikat berkaitan dimiliki secara langsung oleh D Sdn Bhd.
- (c) lebih daripada 50% modal berbayar bagi saham biasa syarikat tersebut dan syarikat berkaitan dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat lain.

Contoh 5




- (i) Y Sdn Bhd layak menuntut elaun khas sehingga RM13,000 sahaja bagi aset bernilai kecil kerana 70% modal berbayar bagi saham biasa Y Sdn Bhd dan 60% modal berbayar bagi saham biasa syarikat berkaitan (X Sdn Bhd) dimiliki secara langsung oleh syarikat lain (A Sdn Bhd).
- (ii) Z Sdn Bhd layak menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil tanpa had kerana kurang daripada 50% modal berbayar bagi saham biasa Z Sdn Bhd dimiliki secara tidak langsung oleh syarikat lain walaupun lebih daripada 50% modal berbayar bagi saham biasa syarikat berkaitan dimiliki secara langsung oleh syarikat lain.

Nota: Kedua-dua syarat yang berikut perlu dipenuhi iaitu:

- (i) lebih daripada 50% modal berbayar bagi saham biasa syarikat berkaitan dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat lain; dan
- (ii) lebih daripada 50% modal berbayar bagi saham biasa syarikat kecil dan sederhana dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat lain

- 6.2 Bagi maksud subperenggan 6.1 (a), (b) dan (c) dalam KU ini, pemilikan saham secara langsung atau tidak langsung ditentukan pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dan hendaklah ditentukan sehingga ke peringkat syarikat induk terakhir.

Contoh 6




- (i) C Sdn Bhd dan D Sdn Bhd adalah syarikat kecil dan sederhana. B Sdn Bhd mempunyai modal berbayar bagi saham biasa RM3 juta. A Sdn Bhd yang mempunyai modal berbayar bagi saham biasa RM3.5 juta merupakan syarikat induk terakhir bagi B Sdn Bhd, C Sdn Bhd dan D Sdn Bhd.
- (ii) Sama ada C Sdn Bhd dan D Sdn Bhd layak menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil tanpa had, peratusan pemilikan saham biasa oleh A Sdn Bhd hendaklah ditentukan seperti berikut:

Syarikat	Peratusan Pemilikan Saham Biasa Oleh Syarikat A (Secara Langsung Atau Tidak Langsung)	Layak Menuntut Elaun Khas Tanpa Had
B	100% - langsung	Tidak
C	70% (100% x 70%) - tidak langsung	Tidak
D	42% (100% x 70% x 60%) - tidak langsung	Ya

- 6.3 Sekiranya saham syarikat kecil dan sederhana dimiliki oleh sebuah entiti yang bukan merupakan syarikat yang diperbadankan, contohnya individu, syarikat tersebut layak menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil tanpa had walaupun lebih daripada 50% modal berbayar bagi saham biasa syarikat itu dimiliki oleh individu.

Contoh 7



E Sdn Bhd layak menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil tanpa had walaupun pemilikan saham biasa oleh individu D melebihi daripada 50%.

7. Orang Yang Tidak Layak Menuntut Elaun Khas

Sesorang tidak layak menuntut elaun khas ini jika orang itu:

- (a) sebuah amanah perniagaan atau Syarikat Bermaksud Khas yang ditubuhkan bagi maksud penssekuritan berdasarkan aset dalam transaksi penssekuritan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.
- (b) telah membuat pilihan untuk menuntut elaun modal di bawah perenggan 10 dan 15, Jadual 3 ACP.

8. Aset Bernilai Kecil Yang Diperoleh Secara Sewa Beli

Elaun khas di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP tidak terpakai kepada aset bernilai kecil yang diperoleh secara sewa beli. Seseorang boleh menuntut elaun modal biasa di bawah perenggan 10 dan 15, Jadual 3 ACP berhubung dengan aset bernilai kecil tersebut.

9. Pelupusan Aset Bernilai Kecil

- 9.1 Jika aset bernilai kecil dilupuskan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dan aset bernilai kecil tersebut telah diberi elaun khas, kenaikan imbalan boleh dikenakan ke atas aset bernilai kecil tersebut jika nilai pelupusannya melebihi baki perbelanjaan pada tarikh pelupusan. Ini adalah mengikut peruntukan di bawah perenggan 35 Jadual 3 ACP. Amaun kenaikan

imbangan tidak boleh melebihi jumlah elaun modal yang telah dituntut atas aset tersebut sebagai mana diperuntukkan di bawah perenggan 37 Jadual 3 ACP.

9.2 Bagi maksud perenggan 9.1-

- (a) "dilupus" bermaksud dijual, dibuang, dimusnahkan atau berhenti digunakan bagi tujuan perniagaan; dan
- (b) "kenaan imbalan" bermaksud amaun lebihan yang timbul apabila nilai pelupusan aset bernilai kecil melebihi perbelanjaan bakian pada tarikh pelupusan.

10. Penyimpanan Rekod

Pembayar cukai dikehendaki menyimpan rekod yang dapat membezakan di antara aset yang diberi elaun modal di bawah perenggan 10 dan 15, Jadual 3 ACP dengan aset yang diberi elaun khas di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP .

11. Kemaskini Dan Pindaan

	Pindaan Yang Dibuat
KU ini menggantikan KU No. 1/2008 bertarikh 27.3.2008.	<p>Pindaan dibuat untuk menjelaskan layanan cukai bagi perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">• Pindaan kepada proviso subperenggan 19A(1) Jadual 3 ACP;• Elaun khas aset bernilai kecil bagi syarikat kecil dan sederhana;• Had tuntutan elaun khas yang terpakai kepada sesetengah syarikat kecil dan sederhana; dan• Orang yang tidak layak menuntut elaun khas.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**